

(4)

PERSATUAN WANITA UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYA



SEMINAR WANITA DAN UNDANG-UNDANG  
24 - 26 OGOS 1981

ASPEK KEWANGAN PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN:  
HARTA, NAFKAH DAN WARISAN -  
UNDANG-UNDANG ISLAM

Oleh

CIK AHILEMAH JONE<sup>T</sup>  
PENSYARAH  
FAKULTI UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI MALAYA

SESI DUA  
SELASA 25 OGOS 1981  
9.00 - 11.00 PAGI

## ASPEK KEWANGAN, PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN:

### HARTA, NAFKAH DAN WARISAN

Di dalam sesi ini perbincangan akan dibahagikan kepada bahagian berikut:

#### A. Aspek Kewangan Semasa Perkahwinan

1. Hak persendirian terhadap harta
2. Nafkah

#### B. Aspek Kewangan Semasa Perceraian

1. Mata'ah
2. Nafkah Eddah
3. Harta Sepencarian

#### C. Aspek Kewangan Semasa Kematian - Warisan

### PENDAHULUAN

Di Malaysia Undang-undang Islam yang ditadbirkan bukanlah Undang-undang Islam yang tulin tetapi Undang-undang Islam yang telah mengubahsuaikan adat Melayu. Pengaruh adat Melayu dapat dilihat dengan jelas di dalam aspek kewangan perkahwinan dan perceraian. Di dalam perbincangan ini akan dapat dilihat aspek undang-undang yang berasal dari adat Melayu yang telah diterima dan ditadbirkan sebagai sebahagian dari Undang-undang Islam oleh Mahkamah Syariah.

Perbincangan saya akan dihadkan kepada aspek kewangan yang melibatkan suami dan isteri. Hak kewangan anak-anak (nafkah anak) akan hanya dibincangkan dengan ringkas sahaja kerana hak anak-anak ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam sesi Undang-undang berkenaan kanak-kanak.

#### A. ASPEK KEWANGAN SEMASA PERKAHWINAN

##### 1. Hak persendirian terhadap harta

Perkahwinan tidak pada umumnya memberi kesan terhadap status atau taraf persendirian seseorang wanita Islam. Beliau

berhak menyimpan hartanya sendiri dan apa-apa gaji atau ganjaran yang diterima atau didapati olehnya. Dia berhak untuk mendakwa atau didakwa atas namanya sendiri di dalam kes yang melibatkan hartanya dan mengenai kontrek yang dimasuki olehnya.<sup>1</sup>

Kehadaan ini ditegaskan lagi oleh Ordinan Wanita Bersuami 1957.<sup>2</sup> Ordinan ini dikenakan di Semenanjung Malaysia dan terpakai kepada wanita Islam yang bersuami juga, tetapi pemakaiannya adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam dan Adat Melayu. Pemakaiannya di Negeri Melaka dan Pulau Pinang (dahulunya Negeri Selat) tertakluk kepada Ordinan Orang-orang Islam.<sup>3</sup>

Seksyen 4 Ordinan ini memberi hak kepada wanita yang bersuami:

- (a) Keupayaan untuk memperolehi, memegang dan menguruskan, apa-apa harta;
- (b) Keupayaan untuk menuntut atau dituntut dalam tanggungan tort, kontrek, hutang atau kewajipan;
- (c) Keupayaan untuk mendakwa dan didakwa atas namanya sendiri di dalam tort atau di dalam kontrak atau lain-lain dan hendaklah berhak ke atas semua pemulehan dan remedii dalam hal-hal tersebut.

Selain dari itu wanita bersuami juga menurut seksyen ini tertakluk kepada undang-undang mengenai bankrupsyi dan undang-undang mengenai penguatkuasaan hukuman dan perintah.

Ringkasnya wanita bersuami dikekalkan tarafnya sebagai seorang individu.

---

<sup>1</sup> Ahmad Ibrahim, Family Law in Malaysia and Singapore, 1978, m.s. 205.

<sup>2</sup> No. 36 tahun 1957.

<sup>3</sup> S. 2 dan S. 3.

Seterusnya seksyen 5 Ordinan ini menyatakan harta-harta

seperti:

(a) harta yang dippunyai oleh wanita bersuami semasa

perkahwinan sebelum atau selepas berkuasanya

Ordinan ini dan;

(b) harta yang diperolehi atau terserah kepada

wanita bersuami pada masa perkahwinan.

adalah untuk semua tujuan menjadi hartanya sendiri dan dia boleh seterusnya menguruskan harta-harta tersebut sebagai seorang individu.

Seksyen 6 pula menyatakan bahawa suami kepada seorang wanita itu tidak boleh dipertanggungkan dengan tanggungan tort yang dilakukan oleh wanita itu sebelum atau selepas perkahwinannya. Si suami juga tidak bertanggungan di atas apa-apa kontrek yang dimasuki atau hutang atau tanggungan yang dibuat oleh wanita itu sebelum perkahwinan. Si suami itu juga tidak boleh didakwa atau dijadikan pihak dalam perbicaraan undang-urdang mengenai tanggungan tort, kontrek, hutang atau tanggungan tersebut.

Seorang wanita yang bersuami mempunyai remedi dan pemulihan yang sama terhadap suaminya dalam melindungi dan menjaga hartanya. Si isteri misalnya boleh menuntut si suami bayaran untuk pinjaman yang diberi kepada si suami itu. Tetapi seorang isteri tidak boleh mendakwa suaminya atas kesalahan tort kecuali dakwaan untuk melindungi atau menjaga hartanya. Jadi seorang isteri boleh mendakwa suami dalam tort detinue<sup>4</sup> atau conversion<sup>5</sup> barang yang dipunyainya tetapi tidak boleh mendakwa suami dalam tort fitnah atau cuai. Hak ini juga

<sup>4</sup> Di mana seorang itu setelah diberi dengan sukarela satu barang enggan mengembalikan barang itu kepada pemberinya atau menahan barang itu dari dikembalikan.

<sup>5</sup> Di mana seorang melakukan di atas satu barang perkara-perkara yang bertentangan dengan possessi dan hak milik tuan punyanya.

diberikan kepada seorang suami. Seterusnya tidak ada tindakan jenayah boleh diambil oleh si isteri terhadap suaminya mengenai harta semasa mereka tinggal bersama. Tindakan jenayah ini juga tidak boleh diambil setelah pihak-pihak bercerai, melainkan harta itu telah diambil oleh si suami atau si isteri ketika meninggal atau meninggal langsung pihak yang lagi satu.

Seorang isteri itu bagaimanapun boleh mengambil tindakan terhadap suaminya dalam kes jenayah seperti kecederaan diri.<sup>6</sup>

Di Sabah dan Sarawak di mana Ordinan ini tidak terpakai, pada masa ini tidak mempunyai peruntukan statut. Di dalam keadaan seperti ini Statut Inggeris boleh dihujahkan sebagai terpakai kepada wanita bukan Islam yang bersuami.<sup>7</sup> Hak wanita Islam yang bersuami pula ditentukan menurut prinsip Undang-undang Islam.<sup>8</sup>

## 2. Nafkah

Menurut istilahnya, nafkah adalah mana-mana sesuatu barang yang dibelanjakan oleh seseorang terhadap isterinya, anaknya, kerabatnya dan hamba; ini termasuklah makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain.<sup>9</sup>

Nafkah untuk isteri pula bolehlah dikatakan sebagai sesuatu yang diberikan oleh si suami kepada si isteri menurut keperluan isteri setakat yang termampu oleh suami. Keperluan si

<sup>6</sup> Re Ketuna Bibi [1955] MLJ 166. Seorang wanita Islam yang bersuami boleh disabitkan dengan kesalahan pecah amanah mengenai harta kepunyaan suaminya. Dalam kes Nuruddin v. Siti Aminah [1929] S.S.L.R. 146 diputuskan seorang suami Islam boleh disabitkan di atas kesalahan cuba menipu isteri.

<sup>7</sup> Akta Undang-undang Sivil, 1956 (Disemak 1972) S. 3(1)(b) dan (c).

<sup>8</sup> Ahmad Ibrahim, op. cit., m.s. 206.

<sup>9</sup> Omar Abdullah, Ah al-Shariah al-Islamiah Fial-Ahwal al-Shaksiyah cet. 5, Mesir 1965 m.s. 332. Dipetik oleh Kamardin b. Hashim "Hukum Nafkah dalam Undang-undang di Malaysia", Kertas Projek 1978/79, m.s. 1.

isteri dan kemampuan si suami adalah fakta menentukan nisbah nafkah yang wajib dikeluarkan oleh si suami tanpa mengira samada si isteri itu seorang yang berharta atau tidak.<sup>10</sup>

Dalil Al-Quran yang mewajibkan pemberian nafkah ini disebut di dalam surah At-Talaaq ayat 7, ayat ini mempunyai maksud seperti berikut:

"Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberi Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberi Allah kepadanya (orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan."<sup>11</sup>

Ayat ini telah ditafsirkan sebagai bermaksud, hendaklah suami memberi nafkah kepada si isteri dan anaknya yang masih kecil menurut kemampuannya. Ulamak tidak boleh berijtihad untuk menentukan jumlah nafkah tersebut. Kadarnya terpulang kepada kemampuan seseorang itu.<sup>12</sup>

Nas Sunnah pula menyebut tentang Hadith daripada Aishah r.a.<sup>13</sup> yang antara lain maksudnya Hindum bte Utbah isteri Abi Sufyan telah menemui Rasullah s.a.w. katanya,

"Wahai Rasullah sesungguhnya Abi Sufyan seorang yang sangat kedekut, tidak pernah memberi saya nafkah yang mencukupi untuk saya dan anak saya kecuali apa yang saya ambil daripada wangnya tanpa pengetahuannya, apakah ini satu dosa? Sabda Baginda 'ambillah wangnya dengan cara yang sopan setakat yang mencukupi untuk keperluan engkau dan keperluan anak engkau.'

Di Malaysia, peruntukan mengenai nafkah ini dibuat di dalam

<sup>10</sup> Syed Sabiq Fiqh al-Sunnah. Dipetik oleh Ibid., m.s. 3.

<sup>11</sup> Tafsiran Al-Quran Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri.

<sup>12</sup> Al-Qurtuby - Al-Jamik Li-Alkhamil Quran Darul-Khatib Kaharah 13 & 7H Juzu 18 m.s. 170. Dipetik oleh Kamardin b. Hashim, Op. Cit., m.s. 4.

<sup>13</sup> Radd-ul-Mukhtar Vol. 11, m.s. 1063. Dipetik Ibid., m.s. 6.

Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri-negeri.

Di Selangor, Kelantan, Trengganu, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Perak dan Sabah diperuntukan bahawa wanita Islam yang bersuami boleh dengan membuat permohonan di dalam Mahkamah Kathi mendapat perintah terhadap suaminya untuk pembayaran dari masa ke semasa, apa-apa jumlah sebagai nafkah yang dia berhak menurut Undang-undang Islam.<sup>14</sup>

Di Pahang, selain dari menyatakan hak nafkah seorang isteri terhadap suami, Enakmennya menambah yang pembayaran boleh dibuat secara tunai atau barang.<sup>15</sup>

Di Johor, diperuntukan yang si isteri boleh memohon ke Mahkamah untuk mendapat perintah terhadap suaminya nafkah yang dia berhak menerimanya menurut Hukum Syarak. Pembayaran hendaklah dibuat dalam satu tempoh yang tidak melebihi daripada tiga tahun dikira terdahulu dari tarikh si isterinya menuntut nafkah itu.<sup>16</sup>

Di Sarawak, diperuntukan yang Mahkamah Kadi Besar diberi bidangkuasa untuk mendengar kes nafkah. Berlainan dari negeri-negeri lain di Malaysia, nafkah yang boleh dituntut oleh si isteri adalah ditetapkan dari \$20/- hingga \$50/- dan nafkah anak dari \$10/- hingga \$25/- melainkan si suami itu susah hidupnya atau tidak berkemampuan

<sup>14</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor, 1952 s.s. 138 dan 139; Enakmen Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Kelantan, 1966 s.s. 82 dan 83; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Trengganu 1955, s.s. 116 dan 117; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang, 1959, s.s. 133 dan 134; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Melaka, 1959, s.s. 131 dan 142; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Sembilan, 1960, s.s. 132 dan 133; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah, 1962; s.s. 133 dan 134; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis, 1964, s.s. 103 dan 104; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak, 1965, s.s. 137 dan 138; Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah, 1977, s.s. 38 dan 39.

<sup>15</sup> Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Pahang, 1956, s.s. 137 dan 138.

<sup>16</sup> Enakmen Pentadbiran Igama Islam, Johor, 1978, s.s. 132 dan s.s. 133.

jumlah belanja tersebut akan dipertimbangkan oleh mahkamah.<sup>17</sup>

Selain dari apa yang diperuntukan oleh Enakmen dan Ordinan negeri-negeri, tanggungan suami memberi nafkah terdapat juga biasanya di dalam suatu perjanjian di antara pihak suami dan isteri yang dibuat samada semasa, selepas atau semasa akad nikah dilakukan. Perjanjian ini biasanya dikenai sebagai surat taklik. Surat taklik ini menyebut antara lain tanggungan suami untuk memberi nafkah.

Contohnya, "Setiap waktu saya terlalai dalam memberi nafkah isteri saya selama 4 bulan atau lebih, dia boleh mengadu ke Mahkamah Kadi dan jika pengaduannya terbukti, maka jatuhlah talak satu baginya dan setiap waktu, saya akan rujuk dan isteri saya menolaknya, maka cerailah ia dengan satu talak."<sup>18</sup>

Menurut Undang-undang<sup>19</sup> seorang isteri berhak untuk mendapat nafkah dengan syarat-syarat berikut:-

- (i) adanya perkahwinan yang sah yang menjadikannya isteri yang sah.

<sup>17</sup> Ordinan Majlis Islam (Penubuhan) (Pindaan) Sarawak 1978, s. 41, S. 73 menyatakan bahawa pembicaraan mengenai nafkah dibawah Ordinan ini adalah dianggap sebagai pembicaraan jenayah, kecuali pembicaraan mengenai nafkah isteri, ianya dianggap sebagai pembicaraan sivil. Ordinan ini tidak mempunyai peruntukan khas mengenai nafkah tanggungan si suami seperti yang diperuntukan oleh Enakmen Pentadbiran Ugama Islam di lain-lain negeri di Malaysia. Peruntukan mengenai nafkah isteri dan anak ini disebut dengan lebih jelas dalam fasal 41 dan 42 dalam Undang-undang Mahkamah Melayu.

<sup>18</sup> Surat Taklik di Selangor, kandungan surat taklik berbeza sesebuah negeri dengan negeri yang lain. Di Sarawak ianya berbunyi:

"Jika saya berpergian kesesuatu tempat dan saya tidak memberi nafkah kepada isteri saya dan tidak meninggalkan seorang wakil untuk memberi nafkah kepadanya, dan jika dia mengadu hal itu kepada hakim Syariah yang menerima pengaduan itu sebagai benar, maka cerailah dia dengan talak 1."

<sup>19</sup> Kamardin b. Hashim, Op. Cit., m.s. 20-23.

(ii) isteri boleh melakukan hubungan jenis supaya dapat menyempurnakan tujuan perkahwinan.

(iii) isteri sanggup menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu.

(iv) tidak adanya nusus.

Jika salah satu dari syarat-syarat tersebut dilanggari, gugurlah hak si isteri untuk mendapat nafkah.

Seorang isteri dikatakan melakukan nusus jika dia dengan tidak menasabahnya enggan mentaati perintah atau kehendak suaminya.

Contohnya:-

(i) bila si isteri enggan bergaul dengan suaminya kecuali terdapat alasan yang dapat dimaafkan seperti, isteri itu sakit, bersalin atau sebagainya;

(ii) bila dia meninggalkan rumah tanpa izin suaminya, melainkan dia meninggalkan rumah atas ketakutan rumah akan runtuh, atau atas tujuan untuk menziarahi keluarga yang sakit, dengan kepercayaan suaminya akan benarkan atau;

(iii) bila dia enggan berpindah bersama suaminya ke rumah atau negeri lain, melainkan ada sebab yang menasabah. Bila sahaja isteri bertaubat dan mentaati suaminya, dia tidak lagi nusus.

Dalam kes Mohammad Saad v. Hasnah<sup>21</sup> kes dari Melaka diputuskan bahawa isteri yang nusus tidak berhak untuk mendapat nafkah dari suaminya.

<sup>20</sup> Nawawi, Minhaj - Et-Talibin m.s. 318 dan 385, Sheikh Abdul Kadir, The Muhammadan Law of Inheritance, Marriage and the Rights of Woman m.s. 178-179. Seperti yang dipetik oleh Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, 1975 m.s. 222. Tidak ada peruntukan statut mengenai nusus di Malaysia.

<sup>21</sup> [1949] MLJ m.s. 97.

Permohonan untuk mendapat nafkah hendaklah dibuat di Mahkamah Syariah.<sup>22</sup>

Untuk menguatkuasakan perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah ini terdapat satu Akta yang diluluskan khas untuk menguatkuasakan perintah tersebut. Akta ini dipanggil Akta Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak 1968. Akta ini terpakai kepada perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah dan pemakaianya adalah tertakluk kepada penyesuaian.<sup>23</sup>

Berikut adalah acara ringkas yang perlu dibuat:-

(i) isteri atau isteri bagi pihak anak hendaklah mendapat satu perintah pembayaran nafkah dari mana-mana Mahkamah Syariah terhadap suami atau bapa anak itu.

(ii) jika suami enggan menurut perintah tersebut, isteri boleh membuat tuntutan ke Mahkamah Biasa supaya Mahkamah menguatkuasakan perintah nafkah dari sebulan itu.

(iii) Mahkamah yang berkenaan boleh menguatkuasakan perintah tersebut melalui perintah tahanan pendapatan tenaga iaitu melalui majikan atau tuan-tuan kerja di mana suaminya mendapat gaji.

(iv) setelah majikan mendapat perintah dari Mahkamah ia hendaklah membayar kepada Mahkamah dan Mahkamah akan seterusnya membayar kepada isteri atau anak-anak. Majikan akan memotong gaji si

<sup>22</sup> Ordinan Perempuan Berkahwin dan Kanak-kanak (Nafkah) 1950 tidak boleh dipakai oleh orang Islam untuk membuat tuntutan nafkah. Di Melaka, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Johor, Ordinan ini boleh digunakan untuk membuat tuntutan nafkah anak taksah taraf.

<sup>23</sup> S.s. 14 dan 15.

suami yang berkenaan. Si suami sebelum itu dikehendaki memberi butir pekerjaan dan majikanya. Jika si suami atau majikan tidak mematuhi perintah Mahkamah, mereka boleh dipenjarakan dalam tempoh tidak lebih satu tahun atau denda tidak lebih dari seribu ringgit atau keduanya sekali.

- (v) jika si suami/si bapa tidak makan gaji, pendapatannya datang dari lain-lain punca, Mahkamah boleh memerintahkan si suami atau si bapa membayar nafkah terus ke Mahkamah dan seterusnya Mahkamah akan membayar wang itu kepada isteri atau anak-anak. Jika si suami enggan bayar, Mahkamah boleh mengeluarkan satu waran bagi menaksir dan menjual harta yang dipunyai oleh si suami. Jika si suami tidak mempunyai harta atau tidak mempunyai harta yang cukup untuk membayar nafkah, si suami boleh dipenjarakan selama tempoh tidak lebih dari sebulah setiap kali dia cuai.

Semua pembayaran nafkah yang tidak dibuat boleh dituntut oleh si isteri sebagai bayaran kebelakangan. Menurut Imam Shafie, nafkah isteri adalah merupakan hutang bagi si suami. Oleh itu bayaran kebelakangan adalah boleh dituntut oleh si isteri walaupun tidak terdapat apa-apa decree daripada Mahkamah Kadi atau persetujuan bersama mengenai pembayaran nafkah tersebut.<sup>24</sup>

Si suami bukan sahaja boleh dihukum kerana tidak memberi nafkah, isteri juga boleh menggunakan ketidak sanggupan suami memberi nafkah ini sebagai alasan untuk meminta fasah dari suaminya.<sup>25</sup>

<sup>24</sup> Nawawi, Op. Cit., m.s. 383.

<sup>25</sup> Hadith Nabi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah seperti yang dipetik oleh Kamardin b. Hashim, Op. Cit., m.s. 25.

## B. ASPEK KEWANGAN SEMASA PERCERAIAN

### 1. Mata'ah

Mata'ah adalah sagu hari yang diberi oleh si suami kepada si isteri semasa/ketika perceraian.

Mata'ah atau mut'ah adalah diseri oleh Al-Quran dalam Surah 11 ayat 236 yang bermaksud:-

"Tidaklah kamu bersalah (dan tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu menceraikan isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan maskahwin untuk mereka.

Walaupun demikian, hendaklah kamu memberi 'mut'ah' (pemberian sagu hati) kepada mereka (yang diceraikan itu). Iaitu: Suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut kemampuannya; dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang (yang mahu) berbuat baik."<sup>26</sup>

Menurut Mazhab Shafii pembayaran wang saguhati bukan sahaja diseru dalam kes wanita yang telah diceraikan sebelum perkahwinan disempurna dan sebelum dowrinya ditetapkan, tetapi juga dalam setiap kes wanita yang diceraikan. Hanya wanita yang dowrinya telah ditetapkan dan yang diceraikan sebelum perkahwinan disempurna tidak berhak mendapat saguhati.

Menurut Imam Shafii'/mata'ah ini di sini "sebagai saguhati atau pemberian bercorak pampasan daripada si suami atas sebab dia telah menyebabkan wanita itu terjatuh dalam keadaan terbiar dan berdukacita oleh sebab perpisahan dia darinya". Oleh sebab itu mata'ah adalah di seru hanya bila suami menceraikan isterinya tidak bila isteri mengambil daya usaha untuk diceraikan dari suaminya.

---

<sup>26</sup> Tafsiran Al-Quran oleh Jabatan Perdana Menteri.

Mata'ah boleh dibuat dalam bentuk wang, pakaian dan sebagainya. Di Johor dan Perak Enakmennya memberi pengertian kepada makna mata'ah sebagai pemberian yang wajib oleh suami kepada jandanya kerana bercerai.

Kecuali bagi Sabah dan Sarawak peruntukan mengenai mata'ah diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran negeri-negeri. Si isteri yang diceraiakan oleh suaminya boleh memohon kepada Mahkamah mata'ah atau saguhati dan mahkamah selepas mendengar kedua-dua pihak boleh memerintahkan pembayaran dibuat menurut hukum Syarak.<sup>27</sup>

Mata'ah adalah satu hak yang mesti dituntut di Mahkamah Kadi samada seseorang itu berhak atau tidak mendapatkan terpulang-lah kepada Kadi yang mendengar permohonan itu. Jumlah Mata'ah bergantung kepada budibicara kadi yang membicarakan.

## 2. Nafkah Eddah

Dalil Al'Quran mengenai perkara ini disebut dalam Surah At-Talaaq ayat 6 yang bermaksud:-

"Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani eddahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu, dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya)

<sup>27</sup> Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor, 1952, s. 130; Enakmen Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam, Kelantan, 1966 s. 73; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Trengganu, 1955, s. 107; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Pulau Pinang, 1959, s. 125; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Melaka, 1959, s. 124; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Sembilan, 1960, s. 125; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Kedah, 1962, s. 125; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Perak, 1965, s. 130; Enakmen Pentadbiran Igama Islam Johor, 1978, s. 124.

dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya."<sup>28</sup>

Jadi seorang isteri yang diceraikan berhak untuk mendapat nafkah dari suaminya dalam tempoh eddah. Tempoh eddah ini ialah bagi wanita yang masih didatangi haid ialah tamatnya tiga tempoh masa bersuci. Tetapi jika wanita itu diceraikan pada masa ianya bersuci tempoh eddahnya tamat pada masa permulaan haidnya yang ketiga selepas talak itu, sementara wanita yang diceraikan pada masa haidnya ianya bebas (habis eddah) pada masa permulaan haidnya yang keempat kali, haidnya pada masa dia diceraikan dimasuk kira dalam empat haid ini. Jika perempuan itu tidak lagi didatangi haid, tempoh eddahnya ialah tiga bulan. Tempoh eddah bagi perkahwinan yang tamat oleh sebab kematian ialah empat bulan dan sepuluh hari. Jika wanita itu mengandung, tempoh eddahnya berlanjutan hingga dia bersalin.<sup>29</sup>

Nafkah yang harus diberi kepada bekas isteri ini ialah berdasarkan nafkah yang dia berhak semasa perkahwinan.

Hak untuk mendapat nafkah dalam tempoh eddah diberi dengan syarat si bekas isteri masih dalam kawalan si suami dari segi tempat tinggal dan kelakuan umumnya.

Isteri yang boleh mendapat nafkah ini adalah isteri yang diceraikan dengan talak rajii iaitu talak I atau II di mana talak ini boleh ditarik balik oleh suami. Isteri yang diceraikan dengan talak III tidak berhak mendapat nafkah eddah melainkan jika dia diceraikan semasa mengandung.

Ringkasnya isteri yang diceraikan dengan cara berikut tidak berhak mendapat nafkah tempoh eddah:-

---

<sup>28</sup> Tafsiran Al-Quran oleh Jabatan Perdana Menteri.

<sup>29</sup> Ahmad Ibrahim, Op. Cit., m.s. 233 dan 225.

- (i) isteri yang diceraikan dengan talak bain atau talak III atau yang bercerai cara fasah; melainkan ianya mengandung; tetapi ada pendapat menyatakan bahawa wanita yang diceraikan dengan cara di atas boleh menuntut tempat tinggal yang menasabah dalam tempoh eddah.<sup>30</sup>
- (ii) isteri yang diceraikan oleh sebab kelakuannya sendiri.<sup>31</sup>
- (iii) isteri yang perkahwinannya dibubarkan oleh sebab kematian suami (tetapi berhak untuk tinggal di rumah suami hingga selesai eddah iaitu 4 bulan 10 hari).

Perkara ini diperuntukan oleh Enakmen Pentadbiran Ugama Islam di semua negeri di Malaysia,<sup>32</sup> kecuali Pahang, Perlis dan Sarawak.

Di Pahang dan di Perlis tidak dinyatakan yang hanya isteri yang diceraikan dengan talak I dan II atau yang diceraikan dengan talak III yang mengandung sahaja mendapat nafkah eddah.<sup>33</sup> Di Perlis seterusnya diperuntukan yang wanita yang telah dicerai boleh memohon mendapat perintah terhadap bekas suaminya untuk nafkah bukan sahaja dalam tempoh eddah bahkan dalam tempoh dia tidak berkahwin lain atau selagi dia tidak melakukan perbuatan yang tidak baik.<sup>34</sup>

<sup>30</sup> Ibid., m.s. 233.

<sup>31</sup> Ibid., m.s. 233.

<sup>32</sup> Lihat notakaki 14, 16 dan 17.

<sup>33</sup> Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Pahang, 1956, s. 138. Walaupun demikian Mahkamah mungkin akan hanya membenarkan isteri yang diceraikan dengan talak I atau II sahaja menuntut nafkah eddah kerana ini adalah prinsip Mazhab Shafii.

<sup>34</sup> Enakmen Pentadbiran Ugama Islam, Perlis 1964, s. 104.

Di Sarawak walaupun tidak ada peruntukan khas mengenai nafkah, perkara nafkah ini boleh dibawa di dalam Mahkamah Syariah.<sup>35</sup>

Enakmen di negeri di Malaysia ini dengan jelas menyatakan permohonan nafkah bagi orang Islam tidak boleh dibuat di bawah Ordinan Wanita Bersuami dan Kanak-kanak (Nafkah) 1950.

Acara membuat permohonan dan penguatkuasaan perintah nafkah semasa eddah sama dengan acara memohon nafkah dan penguatkuasaan perintah nafkah semasa perkahwinan.

### 3. Harta Sepencarian

Konsep harta sepencarian adalah satu contoh adat Melayu yang dikuatkuasakan oleh Mahkamah Syariah. Adat ini menyatakan semasa perceraian atau kematian suami atau isteri, si isteri atau si suami boleh menuntut bahagian dari harta yang diperolehi semasa perkahwinan mereka.

Sekarang ini pada prinsipnya di seluruh Malaysia, adat ini telah diterima dan diberi penguatkuasaan oleh Enakmen Pentadbiran Undang Islam.<sup>36</sup>

<sup>35</sup> Ordinan Majlis Islam (Penubuhan) (Pindaan) Sarawak, 1978, s. 41 dan fasal 41 dan fasal 42 Undang-undang Mahkamah Melayu tidak dengan jelas menyebut tentang nafkah eddah - hanya disebut nafkah masa berkahwin dan nafkah anak.

<sup>36</sup> Enakmen Pentadbiran Undang Islam Selangor, 1952, s. 45; Enakmen Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam, Kelantan, 1966, s. 9; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Trengganu, 1955, s. 25; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Pulau Pinang, 1959, s. 40; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Melaka, s. 40; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Negeri Sembilan, 1960, s. 41; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Perlis, 1964, s.s. 11 dan 94; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Perak, 1965, s. 138; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Pahang, 1956, s. 37; Ordinan Pentadbiran Hukum Syarak, Sabah, 1977, s. 49; Ordinan Majlis Islam (Penubuhan)(Pindaan), Sarawak, 1978, s. 41 dan fasal 41 dan 42. Enakmen Pentadbiran Ugama Islam, Kedah, 1962 dan Enakmen Pentadbiran Igama Islam, Johor 1978, tidak dengan jelas menyebut kuasa Mahkamah memutuskan perkara mengenai harta sepencarian, tetapi kuasa mahkamah boleh didapati dalam s. 41 dan s. 59 masing-masing Enakmen.

Akan jumlah yang akan diberi kepada pihak adalah berbeza-beza. Ini akan ditentukan oleh adat yang terdapat dalam negeri-negeri tertentu. Inakmen tidak menetapkan bahagian pihak-pihak. Dari keses yang diputus, terdapat panduan berikut:-

Di Kelantan dalam kes Hajah Lijah v. Fatimah,<sup>37</sup> diputuskan si isteri boleh mendapat 1/2 dari harta yang didapati semasa perkahwinan.

Di Trengganu dalam kes Hajah Sulong v. Mamat,<sup>38</sup> dan Mohamad v. Commissioner of Lands & Mines, Trengganu & Anor<sup>39</sup> diputuskan seorang isteri berhak mendapat 1/2 dari harta yang diperolehi semasa perkahwinan.

Di Selangor dalam kes Laton dan Ramah<sup>40</sup> dan Roberts v. Ummi Kalsom<sup>41</sup> diputuskan pihak yang bercerai mendapat setengah dari harta sepencarian.

Di Kedah dalam kes Habsah v. Abdullah<sup>42</sup> diputuskan bahawa wanita yang diceraikan mendapat separuh dari harta sepencarian.

Di Sarawak menurut Undang-undang jika si isteri dan suami sama-sama bekerja di ladang harta sepencarian hendaklah dibahagi dua; tetapi jika si isteri tinggal di rumah dia mendapat sepertiga dari harta yang diperolehi masa perkahwinan.<sup>43</sup>

<sup>37</sup> [1950] MLJ 63.

<sup>38</sup> (1952) 4 M.C. 291.

<sup>39</sup> [1968] 1 MLJ 227.

<sup>40</sup> (1927), 6 F.M.S.L.R. 116.

<sup>41</sup> [1966] 1 MLJ 163.

<sup>42</sup> [1950] MLJ 60.

<sup>43</sup> Pasal 41 Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak.

Di Sabah dalam kes Haji Abdullah v. Rupah dan Tiamsiah v. Kanali diputuskan bahawa isteri yang diceraikan berhak untuk menuntut harta sepencarian.<sup>44</sup>

Di Pahang tidak ada kaedah tetap mengenai bahagian isteri yang diceraikan; ini adalah bergantung kepada persetujuan pihak-pihak atau keputusan kadi.<sup>45</sup>

Di Negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan bahagian si isteri adalah ditetapkan oleh Mahkamah yang akan memutuskan menurut adat tempatan; setakat ini tidak ada keputusan kes.

Permohonan atau tuntutan boleh dibuat di dalam Mahkamah Syariah.

Selain dari itu, pihak boleh membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi.<sup>46</sup>

#### Pembahagian Harta pada masa perceraian di bawah Adat Perpatih

Di Negeri Sembilan dan sebahagian dari Melaka, di mana adat perpatih diikut, pembahagian harta adalah mengikut adat perpatih. Pada masa tamatnya perkahwinan, semua harta pihak-pihak samada harta boleh alih atau tak boleh ahli hendaklah dimasuk kira, tanpa memperdulikan asal-usulnya atau atas nama siapa harta itu didaftarkan; kemudian harta itu dibahagikan kepada tiga jenis.

Harta yang diperolehi semasa perkahwinan yang dipanggil harta carian. Harta yang dibawa pada masa perkahwinan oleh si suami dipanggil harta pembawa. Harta yang dipunyai oleh isteri pada masa perkahwinan dipanggil harta dapatan. Pada masa perkahwinan tamat

<sup>44</sup> Lee Hun Hoe, Cases on Native Customary Law in Sabah, m.s. 65 dan 164.

<sup>45</sup> E.N. Taylor, Malay Family Law, JMBRAS 1937, Vol. 15, m.s. 73.

<sup>46</sup> Roberts v. Ummi Kalsom [1966] 1 MLJ 163 dan Hajah Lijah v. Fatimah [1950] MLJ 63.

(samada secara perceraian atau kematian):-

- (i) harta dapatan menjadi harta dapatan tinggal dimilik terus boleh si isteri atau jika dia meninggal dunia akan terpulang kepada sukunya.
- (ii) harta pembawa menjadi harta pembawa kembalik yang akan kembali kepada si suami.
- (iii) harta carian menjadi harta carian laki-bini. Harta jenis ini akan dibahagikan sama banyak pada masa perceraian di antara di suami dan isteri tanpa mengira;
  - (a) siapa patut dipersalahkan dalam perceraian;
  - (b) isteri berzina;
  - (c) banyaknya anak.

Menurut adatnya, anak tinggal dengan ibu pada masa perceraian pada amalannya, oleh sebab perkara ini, si ayah akan bersetuju memberi bahagiannya kepada anak-anak.<sup>47</sup>

Menurut amalannya di Rembau, tuntutan harta mesti dibuat pada masa perceraian, hak-hak akan ditentukan pada masa perceraian tidak selepas itu.<sup>48</sup> Tetapi di Kuala Pilah harta sepencarian boleh dituntut selepas perceraian.<sup>49</sup>

Nafkah anak dibincangkan dalam sesi khas mengenai Undang-undang berkenaan Kanak-kanak, Custody, Nafkah dan Penjagaan

#### C. ASPEK KEWANGAN SEMASA KEMATIAN: - WARISAN

Tujuan utama sistem warisan Islam adalah untuk menyediakan

<sup>47</sup> Ahmad Ibrahim, Op. Cit., m.s. 242.

<sup>48</sup> E.N. Taylor, Customary Law of Rembau, m.s. 114.

<sup>49</sup> Hasmah bte Omar v. Abdul Jalil [1958] MLJ, m.s. 10.

peruntukan kebendaan bagi tanggungan si mati. Oleh sebab itu Allah telah menetapkan di dalam Al-Quran waris-waris yang berhak untuk mendapat warisan dan juga bahagian-bahagian mereka. Peruntukan yang ditetapkan ini tidak boleh diubah. Sistem warisan Islam adalah suatu sistem yang rumit di mana ada susunan keutamaan (priority) waris dan walaupun pada asasnya bahagian waris yang berhak mendapat warisan itu ditetapkan oleh Al-Quran kadang-kadang bahagian-bahagian waris-waris tertentu berubah menurut kehadiran waris-waris yang lain.<sup>50</sup>

Kuasa si mati untuk membahagikan hartanya kepada orang-orang lain (selain dari waris Al-Quran) diberi oleh Undang-undang setakat 1/3 daripada hartanya sahaja. Pemberian tersebut boleh dibuat di dalam wasiat.<sup>51</sup>

Undang-undang Warisan Islam yang ditadbirkan di Malaysia adalah Undang-undang Islam bercampur Adat Melayu. Jadi walaupun pada prinsipnya Undang-undang Warisan Islam yang tulen dikenakan pada amalannya hal-hal warisan atau pembahagian harta dilakukan menurut persetujuan waris-waris. Penyelesaian secara persetujuan waris-waris ini adalah satu adat kampung yang masih diikuti hingga hari ini. Jadi tidak hairanlah jika seorang bala itu mendapat lebih dari hak yang dia boleh dapat mengikut Al-Quran.

Menurut Undang-undang Islam, hak untuk mendapat warisan terletak kepada dua prinsip asas perkahwinan dan perhubungan darah. Dalam kedua keadaan, pertalian dengan si mati mestilah pertalian yang

<sup>50</sup> Coulson, Succession in the Muslim Family , Cambridge University Press 1971, m.s. 1.

<sup>51</sup> Diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Al-Muslim dan Ashabul Sunah dan Said bin Aliwagers yang berkata, "Rasullah s.a.w. datang menziarahi saya semasa saya di Mekah dan baginda tidak suka meninggal dunia di tempat dari mana dia telah berhijrah - Rasullah bersabda, "Mudahan Tuhan memberi rahmatnya kepada Ibn Afra - Saya berkata, 'O' Rasullah, mestikah saya mewasiatkan semua harta saya. Baginda bersabda; Tidak, saya bertanya "Separuh darinya?", Baginda bersabda, "Sepertiga adalah banyak. Adalah lebih baik kamu meninggalkan waris kamu kaya daripada meninggalkan mereka papa meminta sedekah dari orang ..." Malik's Mutatta, m.s. 395.

sah. Ini bermakna perkahwinan itu hendaklah perkahwinan yang sah, dan perhubungan darah itu mestilah berdasarkan perhubungan yang sah taraf menurut Undang-undang.<sup>52</sup>

Oleh itu hak seorang isteri atau suami untuk mendapat warisan dari si suami atau si isteri yang meninggal dunia bergantung atas perkara:

- (i) perkahwinan itu sah;
- (ii) perkahwinan itu masih ujud semasa kematian.

Berikut adalah bahagian yang ditetapkan oleh Al-Quran yang didapati oleh waris-waris:

#### Pasangan suami isteri

Suami -  $\frac{1}{2}$  jika tidak ada anak atau cucu agnatik  
 $\frac{1}{4}$  jika ada anak atau cucu agnatik

Isteri -  $\frac{1}{4}$  jika tidak ada anak atau cucu agnatik  
 $\frac{1}{8}$  jika ada anak atau cucu agnatik

dua atau lebih isteri akan berkongsi sama banyak bahagian yang ditetapkan itu.

Bahagian isteri ini adalah tetap - tidak berubah. Misalnya suami meninggalkan dunia tanpa meninggal waris lain, si isteri hanya berhak  $\frac{1}{4}$  dari harta suaminya; lebihannya akan terserah, mengikut Mazhab Shafii kepada Baitul-Mal.

#### Anak-anak

Anak lelaki mendapat dua kali ganda bahagian anak perempuan. Anak perempuan jika tidak ada anak lelaki:-

- seorang mendapat  $\frac{1}{2}$
- lebih dari seorang mendapat  $\frac{2}{3}$  (dibahagi di antara mereka)

<sup>52</sup> Coulson, Op. Cit., 10.

### Ibu Bapa

Bapa  $1/6$  atau lebih harta jika tidak ada anak lelaki atau cucu agnatik.

Emak -  $1/6$  atau  $1/3$ , mendapat hanya  $1/6$  jika ada anak atau cucu agnatik atau adik beradik si mati.<sup>53</sup>

Contoh: Isteri meninggal dunia meninggalkan:-

Suami	$1/4$
Bapa	$1/6$
Emak	$1/6$
Dua anak lelaki	$1/6$ seorang
Seorang anak perempuan	$1/12$

### Wasiat

Seorang Islam hanya boleh membuat wasiat mengenai  $1/3$  sahaja dari hartanya.<sup>54</sup> Wasiat yang dibuat itu tidak boleh memberi harta kepada waris-waris yang berhak menerima harta menurut Al-Quran.<sup>55</sup>

Ringkasnya wasiat berikut adalah tidak sah:-

- (i) Wasiat yang dibuat melebihi  $1/3$  dari harta si mati - lebih dari  $1/3$  itu tidak sah. Contoh A meninggalkan harta sebanyak \$30,000/- . Dia memberi \$20,000/- kepada masjid di kampungnya. Hanya \$10,000/- ( $1/3$ ) dari wang itu boleh diberi kepada masjid, lebih (\$10,000/-) dibahagikan bersama baki \$10,000/- kepada waris-warisnya.

<sup>53</sup> Surah 4 ayat 11.

<sup>54</sup> Shaik Abdul Latif v. Shaik Elias Bux (1915) 1 F.M.S.L.R. 204.

<sup>55</sup> Siti v. Mohamed Nor (1928) 6 F.M.S.L.R. 135.

(ii) Wasiat yang memberi harta kepada waris yang berhak mendapat menurut Al-Quran. Contoh B, meninggalkan \$30,000/- . Dia telah membuat wasiat memberi \$10,000/- kepada ibunya. Walaupun wasiat ini tidak melebihi 1/3 dari hartanya, si ibu tidak boleh menerima \$10,000/- tersebut kerana wasiat itu batal.

Wasiat yang melebihi 1/3 atau yang diberi kepada waris adalah sah hanya jika ada persetujuan dari waris-waris lain selepas kematian orang yang membuat wasiat. Persetujuan yang diberi sebelum kematian tidak menjadi persetujuan yang sah.<sup>56</sup>

Bahagian seorang isteri mendapat warisan suaminya dan sebaliknya adalah satu bahagian yang tetap atau tidak berubah. Hak mereka untuk mendapat sebahagian dari harta sepencarian boleh dituntut semasa kematian satu pihak lagi. Inilah satu cara mendapat bahagian yang lebih dalam warisan.

#### PENUTUP

Undang-undang Islam memberi hak kepada seorang isteri menuntut nafkah semasa berkahwin dan nafkah eddah. Satu kajian yang dijalankan di Wilayah Persekutuan didapati majoriti wanita Islam di sana menyedari hak mereka untuk menuntut nafkah.<sup>57</sup> Nafkah walaupun diperuntukkan sebagai wajib adalah satu hak yang mesti dituntut. Berikut adalah satu kajian yang dibuat mengenai peratus tuntutan nafkah berbanding dengan perceraian di negeri-negeri di Malaysia.

<sup>56</sup> Gopalakrishnan, *Laws of Wills* (1965) 2nd Edition, m.s. 169. Lihat F. Balan "Testamentary capacity and the Bequeathable Third in the Islamic Law of Wills" JMCL 1965, m.s. 214.

<sup>57</sup> Fariddah Ismail, "Right of Muslim Women in Marriage and Divorce, (Selangor and the Federal Territory)", Kertas Projek 1977/78, m.s. 111.

Negeri	Peratus	Negeri	Peratus
Kelantan	2.5	Perak	4.3
Kedah	4.6	Trengganu	5.5
Perlis	6.6	Pulau Pinang	10.8
Selangor	18.1	Pahang	18.7
Negeri Sembilan	23.9	Melaka	84.7

Utusan Melayu, 23hb Jun 1975<sup>58</sup>

Kajian ini menunjukkan bahawa kecuali Melaka, kadar tuntutan nafkah berbandingkan dengan perceraian adalah sangat rendah. Walaupun wanita Islam menyedari hak mereka untuk menuntut, mereka tidak mengambil daya usaha untuk menegakkan hak mereka. Wanita yang tidak menuntut nafkah mungkin mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Malah, satu pendapat menyatakan bahawa kadar tuntutan nafkah di Kelantan sangat rendah disebabkan wanita-wanita di Kelantan mempunyai ekonomi yang lebih baik dibandingkan dengan wanita-wanita di negeri-negeri lain.<sup>59</sup> Keadaan ini adalah suatu keadaan yang baik tetapi menurut Undang-undang tuntutan nafkah boleh dibuat walaupun si isteri mempunyai sumber pendapatannya sendiri. Jumlah nafkah pun tidak bergantung kepada ke atas kedudukan ekonomi isteri tetapi kedudukan ekonomi suami.

Jika kita merujuk kepada undang-undang yang terdapat di Sarawak tuntutan nafkah ditetapkan sebanyak \$20/- hingga \$50/- melainkan suami susah hidupnya. Ini bermakna maksima nafkah yang boleh diperintahkan oleh Mahkamah ialah \$50/-. Adalah disarankan peruntukan mesti dipinda.

<sup>58</sup> Nik Ramlah Nik Mahmud, "Muslim Divorce in Kelantan - a Socio Legal Study". Kertas Projek 1978/79, m.s. 69 - Tidak ada laporan terbaharu dari ini boleh didapati; laporan tak termasuk Johor, Sabah dan Sarawak.

<sup>59</sup> Ibid., m.s. 70.

Pada prinsipnya Undang-undang Islam memperuntukan yang jumlah nafkah bergantung kepada kemampuan suami. Walaupun demikian Mahkamah Syariah haruslah mengambil sikap yang realistik dalam menetapkan jumlah nafkah dengan mengambil dalam pertimbangan keadaan inflasi dan lain-lain.

Buat masa ini hanya Negeri Perlis sahaja mempunyai peruntukan yang nafkah kepada perceraian dibayar sehingga seorang wanita itu berkahwin lain, sedangkan di negeri-negeri lain, pembayaran nafkah hanya dibuat untuk tempoh eddah. Peruntukan seperti ini dicadangkan diluaskan di negeri-negeri lain.

Mata'ah adalah suatu hak untuk saguhati yang mesti dituntut di Mahkamah. Adalah diragukan samada wanita Islam menyedari hak mereka ini. Sebagai contoh, beberapa wanita Islam Malaysia di Konvensyen Pertubuhan Wanita Islam yang pertama pada tahun 1975 telah dengan terus terang mengakui bahawa mereka mengetahui tentang hak menuntut mata'ah hanya melalui Kertaskerja Profesor Ahmad Ibrahim yang bertajuk "Undang-undang Islam di Malaysia".<sup>60</sup>

Menurut acaranya mata'ah adalah satu tuntutan yang dibuat selepas perceraian berlaku. Adalah lebih baik jika kadi yang membuat perintah nafkah di masa perceraian, memerintah si suami membayar mata'ah juga. Dengan itu perintah nafkah dan mata'ah dapat dikuatkuaskan di bawah Akta (Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak 1968.

Hak untuk menuntut harta sepencarian ini menjadikan kedudukan wanita Islam Malaysia bukan sahaja lebih baik dari wanita bukan Islam di Malaysia tetapi juga dari wanita Islam di negara-negara Islam yang lain.

---

<sup>60</sup> Adibah Amin, "Gently but firmly against Injustice", The New Straits Times, 18hb Mac 1975 dipetik oleh Fariddah Ismail, Op. Cit., m.s. 2.

Malangnya dalam satu kajian yang dijalankan di Wilayah Persekutuan dalam tahun 1977<sup>61</sup> didapati hanya 81.3% dari wanita di sana sedar akan hak mereka untuk menuntut harta sepencarian. Kita tidak dapat faham mengapa selebihnya tidak tahu menahu mengenai hak ini. Tidak lojik bagi kita yang telah menyumbangkan tenaga untuk memperolehi harta di masa perkahwinan (secara langsung atau tidak langsung) tidak berhak untuk mendapat sebahagian daripadanya semasa perceraian.

Undang-undang Islam telah memberi hak yang adil kepada wanita Islam terhadap harta. Terpulanglah kepada mereka untuk mengambil tahu tentang hak-hak ini dan setelah mengetahuinya menegakkannya pula.

---

<sup>61</sup> Fariddah Ismail, Op. Cit., m.s. 117.